

Headline	Azizan perlu berkorban demi kelangsungan parti		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 803
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,409



## Azizan perlu berkorban demi kelangsungan parti



DR MOHD AZIZUDDIN

**ALOR SETAR** - Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dilihat makin tersepit dengan kemelut dalam pentadbirannya, yang kini sudah mengheret kepimpinan parti.

Sekiranya Azizan yang juga Pesuruhjaya Pas Kedah mahu menamatkan krisis dalaman parti yang kini dilihat semakin berpecah, beliau sendiri perlu mengorbankan dirinya demi kelangsungan parti itu mengekalkan kuasa di Kedah.

Penganalisis politik, Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani yang juga Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, walaupun rakyat Kedah amat menyanjung kepimpinan beliau yang berhemah, namun itu sahaja tidak cukup untuk beliau terus kekal di kerusi Menteri Besar.

"Ramalan saya berdasarkan apa yang berlaku, Azizan akan digantikan selepas PRU13 sekiranya Pakatan Rakyat (PR) Kedah terus berkuasa di Kedah, atau kemungkinan Azizan tidak akan dicalonkan semula bertanding dalam PRU13," katanya.

Menurutnya, gambaran mengenai perubahan kepimpinan di Kedah sudah kelihatan rentetan beberapa isu sebelum ini yang mengheret Menteri Besar itu tidak sehaluan pendapat dengan pemimpin PR, terutama isu Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku).

"Sebelum PRU13, tidak mungkin berlaku perubahan kepimpinan kerana Pas Pusat perlukan strategi terbaik kekalkan momentum kuasa di Kedah. Tidak mustahil selepas PRU13 selesai, akan berlaku perubahan itu," katanya.